



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 51
No. 20

24hb September 1998

TAMBAHAN No. 23
PERUNDANGAN

Sel. P.U. 14.

ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM
1989

FATWA TENTANG AJARAN
AJARAN SYED MUHAMAD. AL MASYHOR

(TARIKATUL ISLAM MUHAMAD S.A.W.
HABIBULLAH AL HASHIMI)

En. 2/1989.

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 31(1) dan seksyen 32, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Mufti bagi Negeri Selangor selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

- (1) Ajaran dan amalan Syed Muhamad. Al Masyhor (Tarikatul Islam Muhamad S.A.W. Habibullah Al Hashimi) didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, umat Islam dilarang mengamalkan ajaran itu.
- (2) Orang-orang Islam yang telah menerima ijazah dan mengamalkan Aurad Ismailiah yang diajar oleh Syed Muhamad. Al Masyhor (Tarikatul Islam Muhamad S.A.W. Habibullah Al Hashimi) di mana-mana jua berada hendaklah meninggalkan dan segera bertaubat serta memohon keampunan kepada ALLAH Subhanahu Wata'alla.
- (3) Antara ciri-ciri ajaran itu:
 - (a) Mengaku diri sebagai Rasul.
 - (b) Mendakwa boleh memberi syafaat kepada pengikut yang melakukan kesalahan..
 - (c) Pada hakikatnya Rasul (Syed Muhamad. Al Masyhor)

pengganti Rasulullah itu telah bercantum dengan Allah.
Kata-kata dan gerak-gerinya adalah Allah sendiri.

- (d) Mendakwa Al-Quran yang sebenar ialah Nur Hakim
 - (e) Mengamalkan nikah batin.
 - (f) Pengikut ditegah bernikah dengan orang luar.
 - (g) Menegah berkahwin dengan bukan ahli.
 - (h) Pengikut ajaran ini dijamin masuk syurga.
 - (i) Menyalah tafsirkan Al-Quran.
 - (j) Menerbitkan buku bertajuk “Mengikut Jejak Rasulullah S.AW.”.
- (4) Orang-orang Islam adalah dilarang menjual, mengedar, membeli, memiliki atau memberi ceramah tentang isi kandungan buku yang dinyatakan dalam perenggan 3 (j).

Dibuat pada 19hb April 1998

Made the 19th April 1998

[JAI Sel 8072/7 ; P.U. Sel. AGM/0007.Jld.2.]

ABD. MAJID BIN OMAR,
Pemangku Mufti
Negeri Selangor